



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 3888
Faks : 603-8888 6187
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 45/2012 (4 hingga 10 November 2012)

Pada minggu ke 45, iaitu dari 4 hingga 10 November 2012, sejumlah 411 kes telah dilaporkan (*Lampiran A*). Terdapat sembilan (9) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu masing-masing meningkat 7 kes di Kedah (70%) dan Kelantan (27%), masing-masing 5 kes di Terengganu (56%) dan Sarawak (10%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 4 kes (15%), Melaka 2 kes (50%) manakala masing-masing meningkat 1 kes di N.Sembilan (10%), P.Pinang (6%) dan Sabah (4%). Kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 10 November 2012 adalah 18,679 kes berbanding 16,885 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011, peningkatan sebanyak 11% (1,794 kes) manakala jumlah kumulatif kes kematian Demam Denggi sehingga Minggu Epid 45/2012 adalah sebanyak 32 kes, peningkatan sebanyak 4 kes (14%) berbanding 28 kes untuk tempoh yang sama pada tahun 2011.

Sejumlah 57 kawasan wabak dilaporkan di sembilan (9) negeri iaitu 26 di Selangor, masing-masing 6 di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor dan Sarawak, masing-masing 4 di Perak dan Sabah, masing-masing 2 di Kedah dan Pahang serta 1 di Negeri Sembilan. Dalam pada itu, dua (2) lokaliti *hotspots* telah diisytiharkan berlaku di kawasan Metro Prima (Mutiara Magna), Parlimen Kepong, WP Kuala Lumpur dan Ulu Strass di daerah Meradong, Sarawak. Kawasan *hotspots* ini masih tidak

bersih kerana banyak pembiakan Aedes telah ditemui hasil pemeriksaan oleh Pejabat Kesihatan Daerah. Di Metro Prima, 12 premis didapati mempunyai pembiakan Aedes dengan 9 daripadanya dikenakan kompaun RM500 atas kesalahan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Tempat-tempat seperti baldi, pam tandas dan tong terbuang dikenalpasti sebagai tempat pembiakan Aedes di kawasan tersebut. Sehubungan itu, satu sesi gotong royong telah dianjurkan oleh penduduk setempat serta mendapat bantuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan bagi membersihkan kawasan dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes.

Sementara itu di Ulu Strass, masalah kebersihan juga menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kes Denggi kerana pihak Kesihatan masih menemui pembiakan Aedes di kawasan tersebut. Sistem pengurusan sampah di luar bandar perlu diberi perhatian sewajarnya oleh penduduk setempat agar tidak menjadi masalah kepada seluruh kawasan berkenaan. Jika terdapat barang-barang lusuh yang masih disimpan, pastikan ia tidak menjadi tempat pembiakan Aedes. Barang-barang terbuang yang boleh menakung air seperti tayar, tin, botol dan sebagainya perlu dibuang dengan cara yang betul seperti memasukkan ke dalam lubang dan ditimbus bagi mengelakkan ia menjadi tempat pembiakan Aedes.

Hasil pemeriksaan di seluruh negara di dalam tempoh yang sama mendapati sejumlah 1,319 premis daripada 73,614 yang diperiksa mempunyai pembiakan Aedes. Nilai indeks Aedes didapati meningkat 1.7% berbanding minggu sebelumnya dengan lapan (8) negeri melebihi indeks Aedes paras sensitif (1%) serta menyumbang kepada peningkatan tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius terhadap mana-mana premis yang mempunyai pembiakan Aedes. Dari Januari sehingga kini, sejumlah 13,619 kompaun telah

dikeluarkan dengan nilai RM6,166,815.00. Sebanyak 1,397 kes telah dibawa ke mahkamah dan 597 kes telah dijatuhkan hukuman dengan nilai denda sebanyak RM202,000.00.

Kementerian Kesihatan Malaysia

16 November 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 45/2012
(4 hingga 10 November 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 45/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 45/2011
		Minggu 45 (4 – 10 November 2012)	Minggu 44 (28 Oktober – 3 November 2012)		
1	Perlis	2	2	150	96
2	Kedah	17	10 (1)	711 (4)	414
3	P. Pinang	18	17	684 (1)	1,425 (3)
4	Perak	32	37	1,498 (5)	1,129 (2)
5	Selangor	139	163 (1)	7,794 (12)	6,474 (8)
6	WPKL & Putrajaya	30	26	1,576 (3)	1,727 (2)
7	N. Sembilan	11	10 (1)	464 (2)	662 (3)
8	Melaka	6	4	402	357
9	Johor	16	24	1,394 (1)	1,386 (5)
10	Pahang	12	17	561 (1)	796 (1)
11	Terengganu	14	9	678	569 (1)
12	Kelantan	33	26	1,067	632 (1)
13	Sarawak	53	48	1,168 (1)	851
14	Sabah	28	27	522 (2)	358 (2)
15	WP Labuan	0	1	10	9
	MALAYSIA	411	421 (3)	18,679 (32)	16,885 (28)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI "HOTSPOT" DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 45 BAGI
TAHUN 2012 (4 - 10 NOVEMBER 2012)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Kepong	Metro Prima (Mutiara Magna)	5	31
2	Sarawak	Meradong	Ulu Strass	7	31